

03 APR 2000

DR MAHATHIR SEDIH DENGAN KESIHATAN OBUCHI

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kesedihannya mengenai keadaan rakan sejawatannya dari Jepun, Keizo Obuchi, yang dilaporkan berada dalam keadaan koma.

Dr Mahathir berkata Obuchi sentiasa merupakan rakan baik Malaysia dan telah banyak membantu.

"Saya sangat sedih. Kerana beliau merupakan rakan yang baik bagi kita dan telah banyak membantu kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Agensi-agensi berita melaporkan bahawa Perdana Menteri Jepun itu berada dalam keadaan koma pada hari Isnin selepas di serang angin ahmar.

Obuchi bernafas melalui alat bantuan penafasan di unit rawatan rapi Hospital Tokyo selepas dimasukkan ke situ sehari sebelum itu, kata pemangku perdana menteri Mikio Aoki yang dilaporkan sebagai berkata.

-- BERNAMA

RV LAT